

11 AUG 2000

Abu Hassan (Fokus berita)

SEBAB PELETAKAN JAWATAN MENTERI BESAR S'GOR MASIH JADI TANDA TANYA

Oleh: Abdul Aziz Harun

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Alasan kesihatan yang dinyatakan Datuk Seri Abu Hassan Omar ketika mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor dua hari lepas nampaknya masih sukar diterima.

Walaupun hampir semua akhbar dan media melaporkan faktor kesihatan sebagai punca utama pengunduran beliau, namun pada hari berikutnya kebanyakan akhbar lebih menekankan kepada banyak sebab lain seperti permintaan kaum keluarga dan skandal surat layang.

Selepas beliau membacakan pengumuman mengenai peletakan jawatannya semalam, entah mengapa, beliau meminta ihsan media supaya tidak lagi diteruskan dengan sesi soal jawab.

Walaupun beberapa media akur dengan permintaan itu, namun sebahagian besar masih terus "menyerang" beliau dengan membawa isu-isu peribadi yang sememangnya cuba dihumbangkannya sejauh mungkin.

Sebagaimana kata Pengerusi Jawatankuasa Tetap Sains Teknologi dan Alam Sekitar Selangor, Datuk Ch'ng Toh Eng, isu kesihatan sama sekali tidak dapat diterima kerana beliau (Abu Hassan) boleh mengambil cuti rehat sekiranya beliau memerlukannya sedang beliau mempunyai agenda untuk menjadikan Selangor sebagai negeri maju menjelang tahun 2005.

Namun hakikat bahawa sepanjang tiga tahun dua bulan pentadbirannya beliau jarang sekali mengambil cuti rehat, apa lagi cuti sakit, menambahkan lagi rasa sukar untuk menerima bahawa faktor kesihatan menjadi sebab utama pengunduran beliau.

Dalam pertemuannya dengan rombongan yang datang bertali arus menemui beliau selepas pengumuman itu, beliau tetap dengan pendirian bahawa tujuan utama bagi pengunduran itu adalah disebabkan faktor kesihatan.

Namun dari luar bilik kaca ruang tamu jelas kelihatan beliau sebab semasa berpelukan dengan beberapa wakil dari Umno Bahagian Kuala Selangor.

Seorang wakil rombongan itu yang ditemui berkata Abu Hassan merasa sedih dengan setiap kontroversi yang menimpanya bermula daripada isu penangkapan ratu cantik, pengubahsuaian kediaman rasmi sehingga yang terbaru berhubung isu penangkapan artis wanita di sebuah kelab malam.

Menurutnya, bagi Abu Hassan, kontroversi yang datang bertalu-talu itu menggambarkan seolah-olah memang ada pihak yang mahu beliau mengundurkan diri secepat mungkin.

Katanya Abu Hassan mengakui bahawa beliau dan beberapa ahli keluarganya pernah dihubungi oleh orang yang tidak dikenali meminta supaya beliau mengundur diri.

Beliau berkata Abu Hassan mengadu bahawa walaupun surat peletakan jawatan itu disampaikan secara rahsia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, namun ada pihak yang sudah datang menunggu untuk mendapatkan komen pengunduran beliau di kediamannya pada malam itu.

Ia menambahkan lagi rasa syak wasangka beliau bahawa sememangnya ada pihak yang memang ingin benar melihat beliau berundur, kata wakil rombongan itu.

Namun, katanya, Abu Hassan tetap bertegas bahawa sebab utama peletakan jawatannya selain daripada faktor kesihatan adalah kerana beliau inginkan masa untuk bersama dengan kaum keluarganya.

Semasa ditemui semalam, Abu Hassan berkata beliau akan tetap memikul tanggungjawab sebagai ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang dan Ketua Umno bahagian Kuala Selangor.

Beliau kini tidak mempunyai perancangan masa depan dan lebih menumpukan perhatian kepada majlis perkahwinan anak lelakinya yang dijadualkan pada 26 Ogos ini.

Kontroversi surat layang yang membawa khabar mengenai skandal hubungan Abu Hassan dengan adik iparnya sehingga melahirkan seorang anak telah

bertiup kencang sejak beliau menjawat tugas Menteri Besar.

Ia menghantui Abu Hassan mengikut musim iaitu pada waktu beliau bertanding untuk menduduki kerusi Dewan Undangan Negeri Permatang, semasa beliau bertanding merebut jawatan Naib Presiden Umno, semasa kerusi ahli Majlis Tertinggi Umno menjadi rebutan, menjelang mesyuarat pemilihan Umno bahagian dan yang terbaru pada sidang Dewan Undangan Negeri dua hari lepas.

Semasa menolak tohmahan itu, Abu Hassan berkata perkara itu boleh dijelaskan oleh adik iparnya sendiri yang kebetulan berkahwin dengan seorang mualaf bernama Abu Hassan Tan Abdullah, namun menurutnya ia bukan jalan penyelesaian kerana ia mungkin akan berlarutan membabitkan anak kecil yang tidak berdosa.

Akan tetapi apa yang pasti adalah keluarganya jelas sudah jelak dengan semua ini dan seorang anak perempuannya yang ditemui pada hari itu mengakui sememangnya adik beradik berpakat meminta supaya bapanya melepaskan jawatan ekor pelbagai isu kontroversi dan kecaman.

Seorang pengunjung kediaman rasmi Menteri Besar pada hari itu yang masih menyanggah pentadbiran Abu Hassan, berkata Abu Hassan gagal menjalankan tugas mentadbir negeri dengan baik kerana masih terbawa-bawa dengan gaya pentadbirannya sebagai Menteri Pusat di mana beliau hanya menerima arahan.

Katanya dalam Kabinet Abu Hassan hanya menerima tugas yang diamanahkan sedangkan di Selangor beliau merupakan orang yang bertanggungjawab memberi tugas dan perlu membabitkan diri secara langsung dengan rakyat yang perlu dijaga daripada aspek ekonomi, politik dan sosial.

-- BERNAMA

AZH AHH AKD